



SIARAN MEDIA

KPKT SALURKAN RM195.35 JUTA UNTUK SABAH: PEMBANGUNAN INKLUSIF DEMI RAKYAT

KOTA KINABALU, 11 JULAI 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus memperkuuh komitmennya terhadap pembangunan rakyat Sabah menerusi peruntukan berjumlah **RM 195,348,834** dalam siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT ke Sabah yang berlangsung dari 10 hingga 11 Julai 2025. Peruntukan ini merangkumi pelaksanaan **48 projek pembangunan dan naik taraf infrastruktur awam, pembangunan, perumahan, landskap dan komuniti bagi tahun 2025** demi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk setempat

Peruntukan ini adalah meliputi pelaksanaan projek-projek seperti berikut :

1. **10 projek melibatkan projek pembinaan baharu Program Residensi Rakyat (PRR) dan Program Perumahan Rakyat (PPR)** - RM 39,777,100.00;
2. **3 projek Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP)** – RM7,666,200.00;
3. **13 projek pembinaan baharu, pembinaan semula, naik taraf dan pembelian bangunan balai bomba serta kuarters** - RM7,767,500.00;
4. **6 projek Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan peruntukan RM60,386,000.00** iaitu :
 - i. Pelbagai projek pembangunan PBT- RM31,336,000.00;
 - ii. Pembinaan tempat letak kereta bertingkat di Foh Sang, Luyang - RM2,200,000.00;
 - iii. Pembinaan tapak Tamu Putatan - RM290,000.00;
 - iv. Naik taraf Pasar Awam Putatan - RM650,000.00;
 - v. Kerja pengukuhan cerun - RM4,290,000.00; dan
 - vi. Pembinaan dewan serbaguna, Tamu Square Cultural Street Ranau - RM200,000.00.
5. **4 projek Program Pembangunan Landskap dan naik taraf Taman Awam** - RM13,739,400.00;

6. **3 projek naik taraf/pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal dan tapak pelupusan sanitari** – RM32,000,000.00;
7. **Program Baik Pulih Rumah di Bandar** - RM3,003,000.00;
8. **Program Bina Baharu Rumah di Bandar** - RM1,823,200.00;
9. **Program Rumah Mesra Rakyat (RMR)** - RM24,482,100.00;
10. **5 program naik taraf dan pemberian gerai, pasar awam dan sistem perparitan serta longkang** - RM23,420,000.00; dan
11. **Penyelenggaraan 15 buah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)** - RM2,704,334.00

Pada hari kedua jelajah Sentuhan Kasih KPKT ke Sabah, YB KM bersama delegasi KPKT telah meninjau 7 lokasi seperti berikut :

1. Tempat Letak Kereta Bertingkat Foh Sang;
2. Dewan Serbaguna Luyang;
3. Taman PRR Putera Kiansom;
4. Residensi Menggatal;
5. Taman Rekreasi Tanjung Aru;
6. Kepayan Square; dan
7. Basel Christian Church of Malaysia, Petagas

Sempena lawatan ini, YB KM telah menyempurnakan **Majlis Perasmian dan Penyerahan Kunci Taman Perumahan Rakyat Rakyat (PRR) Putera Kiansom**. Seramai 22 penerima telah menerima penyerahan simbolik kunci kediaman (*mock key*). Projek ini mengambil masa hampir 22 tahun untuk disiapkan susulan pelbagai cabaran termasuk kelewatan akibat pelantikan kontraktor asal yang tidak kompeten. Dua (2) kontraktor penyiap telah dilantik bagi memastikan projek ini dapat disiapkan sepenuhnya. Penyempurnaan projek ini membuktikan komitmen kerajaan MADANI dalam menunaikan janji kepada rakyat.

YB KM bersama delegasi KPKT turut melawat **Residensi Menggatal** dan menyempurnakan **Majlis Penyerahan Kunci Residensi Menggatal Fasa 1**. Projek ini telah siap sepenuhnya dan penyerahan kunci kepada pemilik rumah telah dijalankan secara berperingkat bermula dari 25 Jun 2025. Ia merangkumi 816 unit apartmen berkeluasan daripada 850 hingga 1,053 kaki persegi, dengan harga jualan antara RM238,728 hingga RM361,620 seunit.

Siri jelajah ini turut menyaksikan **Majlis Penyerahan Mock Cek kepada 15 RIBI** di Sabah sebagai inisiatif membantu baik pulih dan menaik taraf kemudahan asas rumah ibadat

bukan Islam yang memerlukan. Inisiatif ini mencerminkan prinsip inklusiviti dan kesejahteraan untuk semua, selari dengan semangat Malaysia MADANI.

Menurut YB KM, "Peruntukan ini diluluskan berdasarkan prinsip belanjawan berasaskan prestasi (*performance-based budgeting*). Ini bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan bukan sahaja membawa manfaat langsung kepada rakyat, malah berdaya maju dari segi ekonomi serta menjamin impak jangka panjang.

Turut hadir bersama ialah Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah, YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam; ADUN Luyang, YB Phoong Jin Zhe; Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aimah Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Datuk Bandar Kota Kinabalu, YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, barisan Pengurusan Tertinggi KPKT serta pemimpin tempatan.

KPKT akan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, dan komuniti bagi memastikan agenda pembangunan yang inklusif, holistik dan berdaya huni dapat dicapai demi kesejahteraan rakyat di negara ini.

#MalaysiaMADANI
#Kemampunan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1.Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Svarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : **Unit Komunikasi Korporat**
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumanahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@pkpt.gov.my

